

Unisza melangkah setapak lagi

Jalin kerjasama dengan dua universiti terkemuka Kazakhstan

KUALA NERUS - Selepas lebih tiga tahun menjalin hubungan pendidikan melalui Program Mobiliti, Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) melangkah setapak lagi apabila bakal bekerjasama dengan dua lagi universiti terkemuka di Kazakhstan.

Memulakan hubungan dengan Universiti Nur Mubarak yang berfokus kepada pendidikan Islam, kini dua lagi universiti lain iaitu Universiti Nazabayev dan Universiti Kebangsaan Kazakhstan Al-Farabi turut menyatakan hasrat untuk menjalin kerjasama.

Perkembangan positif itu diperlihatkan dengan jelas melalui kunjungan rasmi yang diketuai Naib Canselor Unisza, Prof Datuk Yahaya Ibrahim; Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof Dr Mahadzirah Mohamad; Ahli Lembaga Pengarah Unisza, Datuk Mokhtar Nong; Pensyarah Fakulti Undang-Undang, Perakaunan dan Hubungan Antarabangsa, Prof Datin Dr Norsiah Ahmad dan Timbalan pengarah (Seksyen Antarabangsa), Cornelius Anuar Abdullah McAfee bertempat di ketiga-tiga universiti



Kunjungan delegasi Unisza disambut mesra pihak Kazakhstan.

berkenaan.

Pontesi berbeza

Yahaya berkata, ketiga-tiga universiti berkenaan mempunyai potensi jalinan kerjasama yang berbeza, sekali gus bakal memberi ruang yang lebih besar untuk memperkenal-

kan universiti itu ke peringkat antarabangsa.

"Kita mengambil pendekatan turun padang atau lebih tepat lagi mengadakan promosi secara bersemuka ini kerana kita dapati ia lebih menepati sasaran, di mana hasil pertemuan ini kita dapati Universiti Nur Mubarak lebih bersesuaian dalam bidang Pengajian Islam seperti Perbankan Islam, Takaful, Kewangan Islam dan sebagainya.

"Manakala, di Al-Farabi kita lihat ia lebih menjurus kepada program bahasa (Inggeris dan Bahasa Melayu) serta Sains Sukan dan kita sememangnya cukup bersedia untuk kesemua program ini.

"Malah, hasil perbincangan ini juga, kita dapati program pertukaran penuntut dan pensyarah melibatkan kedua-dua universiti ini satu langkah terbaik dalam usaha untuk mengukuhkan



Yahaya (kiri) dan Rektor Universiti Nur Mubarak, Gouda Abdelghany Basyouny saling bertukar cenderamata.

hubungan, sekali gus meningkatkan pencapaian universiti masing-masing," katanya.

Katanya lagi, mengenai jalin-

an kerjasama dengan Universiti Nazabayev, kedua-dua belah pihak sedang mengkaji dan menilai program yang bersesuaian kerana ia merupakan kerjasama julung kali.

"Kita menyerahkan kepada Prof Dr Mahadzirah (Timbalan Naib Canselor) untuk tindakan dan langkah selanjutnya (mengenai jalinan kerjasama dengan Universiti Nazabayev dan ia merupakan satu perkembangan yang baik untuk pendidikan kedua-dua universiti," katanya.

Cari peluang pendidikan luar negara

Ditanya mengapa Unisza memilih untuk menjalin kerjasama dengan universiti di Kazakhstan berbandir negara-negara maju yang lain menurut Yahaya pihaknya alasan tersendiri.

"Kita dapati Kazakhstan sedang mencari peluang pendidikan di luar negara khususnya pakar-pakar dalam bidang tertentu jadi kita ambil peluang ini memandangkan negara berkenaan sedang membangun dan ia merupakan peluang yang terbaik.

"Malah, bersesuaian dengan fokus kita untuk melebarkan peluang di negara-negara Timur Tengah, Kazakhstan dilihat sebagai pilihan yang tepat apataki lagi negara bekas jajahan Soviet Union itu tertumpu untuk membangunkan kembali Islam.

"Jadi, kita di Unisza turut menawarkan bidang Pengajian Islam yang luas dan ia pastinya dapat membantu negara terbabit dalam membangunkan ekonomi dan masyarakat yang berteraskan Islam apabila adanya jalinan kerjasama yang lebih kukuh melalui pendidikan nanti," katanya.

Jelas Yahaya lagi, dengan sega kemudahan dan pensyarah yang mencukupi, universiti berkenaan sememangnya bersedia untuk menerima kedatangan penuntut dari Kazakhstan untuk meneruskan pengajian mereka sama ada mengikuti pengajian jangka pendek atau sebagainya.



Delegasi Unisza turut dibawa melawat ke salah sebuah masjid di ibu negara Kazakhstan, iaitu Astana.



Delegasi Unisza turut dibawa melawat ke kawasan pergunungan terkenal di Altai, Kazakhstan.



Yahaya (tengah) bersalaman dengan Naib Presiden Universiti Nazabayev, Kardisha Dairova (dua dari kanan).

JOM SOLAT

KUALA NERUS	
SUBUH	5:32
SYURUK	6:55
ZUHUR	1:10
ASAR	4:35
MAGRIB	7:21
ISYAK	8:37